

Kenyataan Media
2hb Jun 2023

Global Bersih menyeru Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membuka pendaftaran dalam talian untuk pengundian pos luar negara dengan serta merta dan membuat perubahan segera bagi menambah baik sistem undi pos di luar negara sebelum pilihan raya negeri.

Global Bersih menyeru Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membuka pendaftaran dalam talian untuk pengundian pos luar negara dengan serta merta supaya bilangan pengundi Malaysia di luar negara yang semakin meningkat dapat melaksanakan hak mereka untuk mengundi pada pilihan raya negeri akan datang untuk Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang.

Pada masa ini, rakyat Malaysia di luar negara perlu mendaftar sebagai pemilih luar negara dalam tempoh masa yang sempit sebelum setiap pilihan raya, dan ini memberi tekanan kepada kedua-dua pihak, kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memproses permohonan dan kepada pengundi untuk memohon dalam masa yang terhad. Menurut Bersih, berdasarkan proses semasa, SPR boleh mengendalikan hanya 10 000 permohonan undi pos tanpa menghadapi masalah tertunggak dan kelewatan yang teruk.¹

Oleh itu, adalah logik untuk tempoh pendaftaran untuk pengundi luar negara di platform dalam talian SPR dibuka serta merta. Bagi masa hadapan, tempoh pendaftaran perlu dibuka enam bulan hingga satu tahun sebelum tarikh pilihan raya yang diunjurkan.

Pengundi luar negara terpaksa bertungkus lumus dan berbelanja besar untuk mengembalikan kertas undi mereka pada pilihan raya negeri dan umum sebelum ini. Ini adalah bukti nyata bahawa SPR tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan untuk memastikan rakyat Malaysia di luar negara boleh mengundi. Sebaliknya beban ini dipikul oleh pengundi luar negara. Memandangkan pilihan raya negeri mungkin berlangsung tidak lama lagi, Global Bersih menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya memastikan sistem pengundian luar negara yang lebih berkesan, inklusif dan telus dengan melaksanakan perubahan prosedur berikut secepat mungkin:

Pengesahan identiti pengundi untuk Borang 2 perlu dibuka untuk bukan warganegara Malaysia dan bukannya warganegara Malaysia sahaja.

Keperluan supaya Borang 2 ditandatangani dan disaksikan oleh hanya rakyat Malaysia telah terbukti menjadi batu penghalang bagi rakyat Malaysia di luar negara. Ini terbukti sekali lagi semasa PRU 15; Global Bersih terpaksa menjalankan kempen Facebook untuk membolehkan rakyat Malaysia mencari saksi kerana timbul keadaan di mana ada rakyat

¹<https://bersih.org/download/evaluation-of-postal-voting-for-johor-2022-for-overseas-voters/>

Malaysia yang tidak sempat mengundi kerana tiada rakyat Malaysia berhampiran. Oleh itu saksi Borang 2 hendaklah dibuka kepada sesiapa yang berumur lebih daripada 18 tahun dengan dokumen pengenalan yang sah. Perubahan ini akan memudahkan lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian.

Tempoh kempen perlu dilanjutkan kepada sekurang-kurangnya 25 hari, untuk memberi masa yang mencukupi untuk undi pos dihantar kepada pengundi luar negara dan dikembalikan ke pusat mengundi.

Tempoh kempen untuk pilihan raya sebelum ini terlalu singkat untuk membolehkan pengundi luar negara menerima dan memulangkan undi, dan memerlukan penggunaan perkhidmatan kurier yang mahal..Pada masa ini, keperluan minimum tujuh hari untuk hari berkempen di bawah Peraturan 3(1) Pilihan Raya (Kelakuan) Peraturan-Peraturan 1981 tidak menggambarkan realiti garis masa pengundian pos di luar negara, yang mustahil untuk dijalankan

Proses penghantaran undi ke luar negara yang piawai daripada Pusat Pengeluaran Undi Pos kepada rakyat Malaysia di luar negara

Global Bersih mencadangkan agar SPR mengenal pasti secara khusus kaedah yang tercepat dan selamat untuk menghantar undi ke luar negara dan memastikan terdapat nombor penjejakan. SPR perlu menetapkan SOP yang telus dan piawai untuk cara penghantaran kertas undi kepada rakyat Malaysia di luar negara.

Menegakkan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara dalam undang-undang(Peraturan Pilihanraya) dan bukannya diwartakan sebagai pengundi pos bagi setiap pilihan raya.

Peruntukan yang melayakkan rakyat Malaysia yang tinggal di luar Malaysia layak mengundi harus termaktub dalam Peraturan Pilihan Raya dan bukannya diserahkan kepada budi bicara SPR, seperti yang berlaku pada masa ini.

Ini akan mewujudkan kesinambungan dan membolehkan rakyat Malaysia di luar negara memahami dan mempercayai sistem tersebut.

Pendidikan dan mobilisasi pengundi luar negara yang lebih berkesan dengan menyebarkan maklumat yang tepat dan dikemas kini menggunakan semua saluran yang wujud, terutamanya Perwakilan Luar Malaysia dan agensi yang bertanggungjawab terhadap pelajar, seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan MARA

Kebanyakan perubahan ini adalah perubahan prosedur yang mudah mengikut budi bicara Suruhanjaya Pilihan Raya dan tidak memerlukan pindaan penting kepada mana-mana undang-undang atau dasar sedia ada.

Menurut Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, populasi diaspora Malaysia sudah berjumlah 1,860,037 setakat 2020². Pelaksanaan Undi18 dan Pendaftaran Pengundi Automatik (AVR) telah menyebabkan pertumbuhan daripada 14.9 juta pemilih yang layak pada PRU-14 kepada lebih 21.1 juta pemilih yang layak dalam daftar pemilih semasa.

Berkat daripada pembaharuan semasa dan faktor lain yang mempengaruhi peningkatan ini, tidak dinafikan bahawa jumlah rakyat Malaysia di luar negara yang berhak mengundi akan terus meningkat. Terdapat 7979 pemilih pos luar negara yang berdaftar untuk

² https://www.un.org/en/file/105459/download?token=oh_ySkJg

PRU14, dan pada PRU15, jumlah itu melonjak kepada 48 109 pemilih luar negara berdaftar³, yang menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 603%.

Global Bersih telah membuat cadangan penuh untuk Suruhanjaya Pilihan Raya, yang boleh didapati di [sini](#).

Global Bersih adalah sebuah gerakan antarabangsa bukan partisan rakyat Malaysia di luar negara yang berfokuskan pada reformasi pilihan raya untuk memperjuangkan hak diaspora Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Nirmala Devi Windgaetter
Setiausaha Agung
nirmala.wind@globalbersih.org
+49 1722389665
Global Bersih
15 Cours des Bastions
CH-1205
Geneva, Switzerland
www.globalbersih.org
facebook.com/GlobalBersih
twitter.com/GlobalBersih
tiktok.com/@globalbersih
instagram.com/global_bersih
linkedin.com/company/globalbersih

³ <https://themalaysianreserve.com/2022/11/15/ge15-ec-issues-365686-postal-ballot-papers/>